

Saran guna sistem ekonomi Islam



FOTO: SHARIFUDIN ABDUL RAHIM

■ **CONNIE S MONICAL & MOHD HAFIZ ISMAIL**

KUALA LUMPUR- Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang menyarankan kerajaan supaya menggunakan sistem ekonomi Islam bagi menangani krisis ekonomi yang sedang melanda negara.

Katanya, langkah memperkenalkan cukai baharu iaitu GST tidak akan membantu negara, sebaliknya akan memburukkan lagi ekonomi.

Abdul Hadi turut menyatakan GST yang diperkenalkan bakal meningkatkan kadar inflasi negara.

"Mengapa perlu kita guna sistem cukai yang diperkenalkan barat, sedangkan sistem ekonomi Islam sewaktu zaman Rasulullah terbukti berjaya membangunkan ekonomi sesebuah negara.

"Apa yang menghairankan saya, ada

orang Melayu Islam sendiri menolak sistem Islam," katanya ketika berucap di hadapan peserta Himpunan Derita Rakyat di Padang Merbok di sini, semalam.

Dalam ucapannya, Abdul Hadi turut menyentuh mengenai sistem ekonomi Amerika Syarikat (AS) yang wajar dijadikan teladan oleh negara ini.

Menurut Abdul Hadi, AS memiliki hutang yang lebih banyak dari negara ini. Dakwanya lagi, ia berlaku akibat amalan riba yang diharamkan Islam.

"Jangan jadikan sistem ekonomi Amerika sebagai garis panduan (ekonomi) negara kita.

"Hutang Amerika mencecah trilion ringgit. Jadi kenapa kita perlu contohi negara yang ekonomi dan hutangnya seperti itu?," katanya.

Menurut Abdul Hadi, sumber hasil

bumi perlu dimanfaatkan sebaik mungkin tanpa sebarang ketirisan untuk membangunkan ekonomi negara.

"Rasuah perlu ditangani segera, mana-mana negara yang mengamalkan rasuah pasti akan muflis. Daripada beri rasuah lebih baik keluarkan zakat dan dermakan kepada mereka yang memerlukan.

"Justeru Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang diamanahkan oleh kerajaan perlu melaksanakan tugas dengan baik bagi membanteras amalan ini," katanya.

Menurutnya, sekarang bukan masa untuk menyalahkan mana-mana pihak sebaliknya mencari jalan penyelesaian mengelakkan rakyat terus terbeban.

"Kita (pembangkang) di sini bersedia menjadi penasihat sekiranya diperlukan," katanya.